

Genap 60 hari tragedi Dr Fadi



Ketika kita sedang bergembira dan berkhidmat di samping keluarga pada Syawal kali ini, ingatlah bahawa isteri dan tiga anak muda muda Palestin, Dr Fadi Al-Rushdi pula menyambutnya tanpa kehadiran ketua keluarga mereka yang syahid di tangan musuh ALAH di Malaysia pada April lalu.

Genap 60 hari pembunuhan kejam Dr Fadi, namun tumpuan kepada kes yang dilakwa didalangi oleh perisikan Mossad Israel berkenaan diteruskan tsunami susulan PRU14. Serikat ini masih tiada apa-apa kenyataan rasmi perkembangan terkuai pembunuhan dan jenayah pencetobohan kedaulatan negara ini daripada Menteri Dalam Negeri yang baharu, Tan Sri Muhyiddin Yasin.

Antara maklumat terakhir yang diumumkan adalah daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bahawa kedua-dua suspek berkemungkinan

pembunuhan terlatih yang menggunakan taktik *Escape and Evasion* (lari dan elak) dengan lokasi terakhir mereka dikesan di Thailand.

Sumber *Bernama* turut melaporkan bahawa Timbalan Pengerah Jabatan Siasatan Jenayah (Risikan/Operasi) Bukit Aman iaitu Datuk Huzir Mohamad telah berkunjung ke Bangkok bagi menemui Ketua Polis Thailand Jeneral Chaktip Chaijinda dan juga Polis Antarabangsa (Interpol) bagi membincangkan kerjasama berhubung kes ini.

Selain daripada Polis Thailand dan Interpol, PDRM turut secara khusus bekerjasama dengan Indonesia dan Singapura bagi menjejaki kedua-dua suspek.

Tiada keraguan lagi bahawa pembunuhan Dr Fadi ini turut menyerupai modus operandi pembunuhan seorang lagi anggota pergerakan Hamas yang merupakan pakar drone dikenali sebagai Mohammed Zawahri di Sfax, Tunisia pada Disember 2016.

Dalam kes berkenaan, pembunuh yang terlibat juga adalah dua ejen Mossad yang dilaporkan menggunakan pasport Bosnia and

Herzegovina.

Ketua Polis Negara (KPN) Tan Sri Mohamed Fuzi Harun pula menjelaskan bahawa siasatan Bukit Aman dalam kes Dr Fadi mendapati kedua-dua suspek pembunuh menggunakan pasport palsu dari Serbia and Montenegro ketika memasuki Malaysia pada Februari 2018.

Siri pembunuhan terancang ini jelas menyasarkan individu yang memiliki kemampuan strategik kepada musuh utama Israel iaitu Hamas. Malah masa pembunuhan ini dilakukan jelas berhubung kait dengan peristiwa besar seperti Hari Nakha (Hari Malapetaka) pada 15 Mei 2018 dan pembukaan kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Baitulmaqdis yang melanggar undang-undang antarabangsa pada 14 Mei 2018.

Tidak cukup dengan kaedah pembunuhan bersasar (*Targeted Killing*) di luar negara, rejim haram Zionis Israel turut melakukan pembunuhan secara besar-besaran dengan menembak mati penunjuk perasaan secara aman yang tidak bersenjata di Gaza yang menyertai

Great Return March menuntut dikembalikan tanah hak rakyat Palestin.

Kejinya perilaku bintang Zionis ini hinggapkan *Open-Fire Policy* mereka turut mengorbankan anggota paramedik iaitu Razan al Najjar yang baru berusia 21 tahun.

Dalam konteks Malaysia, kita perlu memaikan peranan aktif bagi menyekat dan mencegah pembunuhan bersasar Zionis ini dengan kerjasama strategik dengan negara-negara anggota OIC yang lain. Apatah lagi dengan peluang restrukturisasi semua institusi-institusi domestik kita pasca PRU14.

Pertukaran tampuk kepimpinan daripada Barisan Nasional ke Pakatan Harapan sememangnya telah menghasilkan ledakan siasatan berskala besar ke atas segenap segmen pentadbiran terdahulu. Peralihan kuasa di Putrajaya juga turut membawa implikasi pembaharuan dan inovasi struktur institusi-institusi awam – termasuklah dalam konteks PDRM.

Antara inisiatif yang perlu diperhalusi secara serius adalah kerjasama perisikan dan keselamatan se-

sama negara anggota OIC bagi melindungi individu-individu seperti Dr Fadi dan Mohammed Zawahri yang memiliki keupayaan dan kepakaran strategik dalam membantu perjuangan Hamas dan Palestin.

Usaha yang produktif dan terfokus perlu digerakkan, tidak lagi sekadar bertindak reaktif hanya selepas berlaku pembunuhan demi pembunuhan ejen Mossad Zionis yang dijangka bakal berterusan berleluasa.

Kita pastinya tidak rela ada lagi darah pejuang pembebasan Palestin seperti Dr Fadi ditampahkan sewenang-wenangnya ejen Zionis di tanah air kita sendiri. Demikian juga kita enggan melihat ada lagi ibu dan anak-anak pejuang pembebasan Palestin yang menyambui kehadiran Syawal tanpa ketua keluarga di sisi akibat keletihan perancangan strategik kita pada hari ini.